

DATE: 19/03/2008

PM sangkal undi tak percaya terhadapnya

Um - 19/3/2008

PUTRAJAYA 18 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyangkal khabar angin kononnya wujud rancangan untuk mengemukakan undi tidak percaya terhadapnya, malah beliau yakin mendapat sokongan padu daripada kepimpinan UMNO dan Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri turut menegaskan bahawa beliau mempunyai hubungan yang baik dengan timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sambil meminta segala dakwaan liar mengenai perkara itu dihentikan, Abdullah berkata: "Apa yang saya ketahui ialah saya telah diberi mandat dan saya masih ada di sini. Saya percaya ia merupakan satu mandat yang kuat di mana kita hanya kekurangan

lapan kerusi untuk memperoleh mandat majoriti dua pertiga.

"Saya juga mempunyai hubungan yang terbaik dengan Najib, kenapa anda tanya soalan itu?"

Bercakap pada sidang akhbar mengumumkan barisan Kabinet baru di sini hari ini, Perdana Menteri memberitahu, ada orang sanggup membuat bermacam-macam tuduhan.

Abdullah mengulas spekulasi kemungkinan berlaku undi tidak percaya terhadap beliau serta cakap-cakap konon hubungannya dengan Najib berada dalam keadaan 'tidak baik'.

Persoalan itu ditimbulkan oleh seorang pemberita kerana Najib tidak mengiringi

Abdullah pada sidang akhbar hari ini sedangkan ketika barisan Kabinet diumumkan pada 2004, Najib turut berada di sisi Perdana Menteri.

Ditanya mengenai perkara itu, Abdullah menjelaskan, Najib masih belum menyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri sehingga beliau mengangkat sumpah esok.

"Kamu terlalu berprasangka," katanya kepada pemberita.

Hubungan baik antara beliau dan timbalannya itu terbukti apabila Abdullah mempertahankan Najib ketika beliau ditanya mengapa Timbalan Presiden UMNO itu dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri sedangkan pembangkang melemparkan pelbagai kritikan dan mengaitkannya de-

ngan kes rasuah.

Abdullah menegaskan tidak ada sebarang bukti yang menunjukkan Najib terlibat dengan kes rasuah.

Malah, katanya, beliau telah mendapatkan maklumat terkini daripada Badan Pencegah Rasuah (BPR) mengenai latar belakang semua anggota Kabinet yang diumumkan hari ini.

"Orang nak tuduh macam-macam, itu anda sendiri tahirkan. Malah saya pun tidak bebas daripada dituduh macam-macam.

"Apa yang penting ialah tidak ada sebarang bukti. Orang boleh bercakap tentang adanya enam atau tujuh kotak bahan bukti tetapi faktanya memang tidak ada bukti," kata Perdana Menteri.